

Sebagaimana anda sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 5 mulai 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 di seluruh negara bagi menangani ancaman penularan wabak Covid-19. Susulan pengumuman tersebut, PTPTN telah bersetuju supaya tempoh penghantaran Dokumen Tawaran dan Perjanjian Pinjaman bagi kelulusan 6 Mac 2020, 7 April 2020 dan 12 Mei 2020 dilanjutkan sehingga 14 Jun 2020. Sekiranya pelajar ingin menghantar dokumen tersebut dalam tempoh PKP, ia boleh dihantar melalui saluran berikut :

1. Hantar terus ke Ibu Pejabat PTPTN melalui pos di alamat :

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN),  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II,  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.**  
**(u.p : En. Ahmad Shahril@Muhammad Shahril bin Ghazali)**

2. Hantar ke mana-mana Pejabat PTPTN Cawangan berhampiran yang beroperasi (sila rujuk Portal PTPTN untuk mengetahui Pejabat PTPTN Cawangan yang beroperasi).

Sekian, Terima Kasih